

Dadah RM144.9 juta dirampas

FOTO: ZAHID IZZANI

Polis tahan sembilan individu dalam serbuan dadah di Lembah Klang

Oleh MUHAMMAD AFHAM RAMLI

KUALA LUMPUR

Kegiatan sindiket penyeludupan dan pengedaran dadah yang menjadikan ke diam mewah sebagai tempat pengoperasiannya terbongkar dengan rampasan mencecah RM144.9 juta dalam serbuan berasingan di sekitar Kuala Lumpur dan Selangor sejak kelmarin.

Ketua Polis Negara, Tan Sri Abdul Hamid Bador berkata, serbuan bermula jam 8 malam itu dibuat ke atas sebuah rumah teres dan dua kondominium yang terletak di sekitar Kepong, Selangor dan Sentul.

Menurutnya, serbuan itu berjaya menahan sembilan individu tempatan termasuk seorang wanita tempatan dan seorang wanita warga Indonesia berusia antara 23 hingga 50 tahun.

"Hasil serbuan, polis bertindak merampas dadah disyaki syabu seberat 309.8 kilogram (kg), heroin base (12.7kg), pil ekstasi (637.7kg), pil erimin 5 (564.8 kg), ketamin (3.4kg) dan kokain (6.5kg) bernilai RM144.9 juta.

"Selain itu, ujian saringan air kencing juga mengesahkan lima lelaki tempatan dan seorang wanita Indonesia itu positif dadah. Malah, dua suspek lelaki itu juga dikesan memiliki rekod lampau bersabit aktiviti



penyalahgunaan dadah," katanya pada sidang akhbar di Pusat Latihan Polis (Pulapol) Kuala Lumpur semalam.

Abdul Hamid berkata, pihaknya turut merampas dua pucuk pistol dengan 150 butir peluru selain empat buah kereta, sejumlah wang tunai mata wang asing dan tempatan, jam tangan, pelbagai barang kemas dengan nilai keseluruhan RM400,330.

Katanya, siasatan juga per-caya sindiket terbabit telah aktif sejak setahun lalu dan turut menyeludup dadah ke negara luar.

Abdul Hamid berkata, kesemua suspek kini direman tujuh hari sehingga 20 Januari untuk siasatan mengikut Seksyen 39B Akta Dadah Berbahaya 1952 dan Seksyen 8 Akta Senjata Api (Penalti Lebih Berat) 1960.

Tambahnya, hasil rampasan dadah itu juga boleh dibekalkan kepada 6.5 juta pengguna.

Selain itu, pihak JSJN akan mengadakan pertemuan dengan 116 syarikat kurier seluruh negara bagi membanteras kegiatan pengedaran dadah yang memanipulasi syarikat terbabit untuk mengedar dadah.

Dadah bernilai RM144.9 juta yang dirampas dalam operasi di sekitar Kuala Lumpur dan Selangor kelmarin.

JENIS DAN JUMLAH DADAH YANG DIRAMPAS

- | | |
|----------------|----------|
| • Syabu | 309.8 kg |
| • Heroin base | 12.7 kg |
| • Pil ekstasi | 637.7 kg |
| • Pil erimin 5 | 564.8 kg |
| • Ketamin | 3.4 kg |
| • Kokain | 6.5 kg |

'Tambah baik keperluan JSJ, JSJN, cawangan khas'



KAMAL AFFANDI

SHAH ALAM - Kerajaan digesa memberi perhatian terhadap penambahbaikan keperluan pegawai serta anggota polis di Jabatan Siasatan Jenayah (JSJ), Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik (JSJN) serta Cawangan Khas.

Justeru, kerajaan dicadangkan membahaskan perkara tersebut pada sidang Parlimen akan datang bagi meluluskan peruntukan untuk peralatan, logistik, latihan dan perlindungan insurans anggota polis terbabit.

Penganalisis jenayah, Kamal Affandi Hashim berkata, saranan itu susulan kejayaan pihak polis merampas pelbagai jenis dadah bernilai RM144.9 juta dalam serbuan di Selangor dan Kuala Lumpur semalam serta kelmarin.

"Pintasan yang dilakukan pihak polis terhadap ekologi dan strategi pengedaran sindiket dadah nampaknya berhasil."

"Oleh kerana itu, ada keperluan bagi kerajaan untuk menambah baik peralatan, logistik dan juga ganjaran terhadap JSJN."

"Langkah itu penting kerana sindiket pengedaran dadah akan menukar taktik dari masa

ke masa selepas mendapat kecekapan polis di peringkat yang tinggi. Ini kita tidak boleh nafikan," katanya kepada *Sinar Harian*.

Katanya, peralatan lebih canggih akan menambah keberkesanan dan kelinciran polis dalam melakukan pintasan sindiket pengedaran dadah.

Menurutnya, pihak kerajaan perlu menyediakan peruntukan bagi membiayai perlindungan insurans berbanding kini ditanggung sendiri anggota polis melalui potongan gaji.

"Bahaskan di sidang Parlimen dan sediakan bajet untuk menghantar anggota polis cawangan itu bagi menjalani latihan khusus di luar negara," katanya.

Semalam, Ketua Polis Negara, Tan Sri Abdul Hamid Bador berkata, dadah bernilai RM144.9 juta yang dirampas polis itu boleh dibekalkan kepada 6.5 juta pengguna.

Selain itu, pihak JSJN akan mengadakan pertemuan dengan 116 syarikat kurier seluruh negara bagi mengatasi kegiatan tersebut yang memanipulasi perkhidmatan itu untuk mengedar dadah.